



BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8/ Jld 3 (34)
Tarikh : 12 April 2022

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G1** dalam kategori pengkhususan seperti di bawah, dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah, bagi menjalankan kerja-kerja berikut :

Bil.	No Sebutharga	Keterangan Kerja	Berdaftar dengan CIDB & PKK	Taklimat / Lawatan Tapak
1	BP 11/2022	Kerja-Kerja Mengganti Pagar Serta Kerja Berkaitan Di Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Cempakapuri, Fasa 3, Blok 10, Daerah Seremban, Negeri Sembilan	Gred : G1 Kategori : B, CE Pengkhususan: B04 & CE21	Blok 10, Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Cempakapuri, Fasa 3 20 April 2022 - Rabu Jam 10.30 pagi
2	BP 13/2022	Kerja-Kerja Menurap Semula Jalan Dan Mengganti Pagar Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Taman Bukit Nibong, Daerah Seremban, Negeri Sembilan	Gred : G1 Kategori : B, CE Pengkhususan: B04, CE01 & CE21	Di Pintu Masuk Rumah Pangsa Taman Bukit Nibong 20 April 2022 - Rabu Jam 10.00 pagi
3	BP 16/2022	Kerja-Kerja Menaiktaraf Saliran Air Serta Kerja Berkaitan Di Flat Intan Perdana, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan	Gred : G1 Kategori : B & CE Pengkhususan: B04 & CE21	Di Pintu Masuk Flat Intan Perdana 20 April 2022 - Rabu Jam 03.00 petang

- Kontraktor yang berminat untuk memasuki sebutharga tersebut **WAJIB** menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti di atas. **HANYA PENAMA DI DALAM CIDB SAHAJA** di benarkan untuk mendaftar dan Kontraktor perlu membawa COP Syarikat semasa mendaftar di tapak. Kontraktor perlu mengamalkan amalan penjarakkan sosial, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask*. (**SOP KKM**) serta mengemukakan keputusan ujian saringan Covid (*Saliva Test*) sebelum mendaftar di tapak.

3. Borang sebutharga akan mula dijual pada **21 April 2022 (Khamis)** sehingga **28 April 2022 (Khamis)**. Pembelian borang selepas tarikh tersebut **tidak akan dilayan**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang **ASAL** dan masih sah laku hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. **Hanya kontraktor yang telah mendaftar di Lawatan Tapak sahaja yang dibenarkan membeli borang**. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **28 April 2022 (Khamis)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAH BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.



(ROSLINA BINTI ROSLI)
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perumahan